



1070 BIOGRAFI IMAM ‘ALAM AL-SAKHĀWĪ PELOPOR SYARAH MATAN AL-SYATIBIYYAH

Sabri Mohamad (UKM)
Muhammad Izzat Ngah (KUIS)
Hamdi Ishak (UKM)
Mohd Mahfuz bin Jaafar (KUIS)
Mohd Faizulamri Mohd Saad (UKM)

Abstrak

Ulama qira’at yang mensyarah matan al-Syatibiyyah telah muncul secara silih berganti di se tiap generasi daripada pelbagai lokasi yang berbeza. Kesungguhan mereka menghurai dan menjelaskan matan qira’at sab’ah tersebut telah meninggalkan kesan yang begitu besar kepada kelangsungan Pengajian Qira’at di persadanya yang sebenar. Antara nama besar yang telah tampil dengan ketokohan dan kekuatan ilmu yang dimilikinya untuk mensyarahkan matan qira’at sab’ah tersebut ialah Imam ‘Alam al-Din al-Sakhawi. Disebut oleh ulama, antaranya Ibn al-Jazari, al-Sakhawilah tokoh yang mula-mula sekali tampil menghuraikan dan mensyarahkan matan qira’at tersebut melalui kitabnya yang dinamakan dengan “al-Fath al-Wasid”. Justeru itu, artikel ini akan membicarakan biografi tokoh besar tersebut yang telah banyak menabur jasa kepada kelangsungan pengajian Ilmu Qiraat melalui penghasilan kitab tersebut secara khususnya. Artikel ini turut dengan mendalam latar belakang hidup tokoh, perjalanan hidup, pendapat dan pujian ulama, guru-guru, anak-anak murid serta khazanah penulisan beliau. Metodologi penulisan artikel ini dan dapatan maklumat adalah melalui kajian perpustakaan. Hasil penulisan mendapati, al-Sakhawi adalah tokoh ulama qiraat yang begitu berketarafan dan sangat gigih memperjuangkan Ilmu Qira’at sebagai salah satu ilmu yang amat berkait rapat dengan al-Quran.

PENGENALAN

Ketokohan seseorang dapat dilihat dari pelbagai aspek merangkumi sejarah hidup, penglibatan dalam sesuatu bidang, impak kepada bidang tersebut dan juga impak kepada masyarakat sekeliling. Antara aspek yang perlu diberi perhatian dalam penelitian model tokoh adalah karakter individu yang mana merangkumi potensi peribadi dan latar belakang keluarga dan keintelektualan seseorang tokoh. Teori ini boleh diperaktikkan terhadap semua tokoh ulama bagi menonjolkan ketokohan seseorang. Justeru, kajian berkaitan latar belakang seseorang tokoh ulama sangat penting dilakukan bagi menyelusuri perjalanan hidup mereka.

Justeru itu, pengkaji akan mengkaji ketokohan Imam al-Sakhāwī selaku pelopor syarah matan al-syatibiyyah dan sumbangan beliau dalam bidang ilmu qira’at merangkumi latar belakang, perjalanan hidup beliau, pendapat ulama tentang beliau, guru-guru serta anak murid beliau dalam usaha membentuk keintelektualan dirinya sehingga menjadikan beliau seorang tokoh ulama yang hebat dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang ilmu qira’at. Pengkaji juga akan menyenaraikan hasil sumbangan karya beliau yang merupakan salah satu

aspek penting dalam menonjolkan ketokohan seseorang ulama dalam sesuatu bidang. Terutamanya penulisan beliau yang menjadi instrumen utama kajian ini akan diketengahkan keistimewaan dan kepentingannya oleh pengkaji.

IMAM AL-SAKHĀWĪ DAN LATAR BELAKANG KELUARGA

Kebanyakan sumber rujukan tentang Imam al-Sakhāwī menyatakan bahawa nama beliau ialah, ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd al-Šamad (al-Dhahabī 1969, 1998; Ibn al-Jazarī 1932; Ibn Kathīr 1990; Ibn Khallikān t.th; Ismā‘īl Bāshā 1992; al-Šafadī 2000; al-Ziriklī 2002). Penulis-penulis tersebut turut menyatakan bahawa silsilah bapa beliau terhenti pada Ibn ‘Abd al-Āħad bin ‘Abd al-Ghālib. (al-Dhahabī (1969), Ibn al-Jazarī (1932), Ibn Khallikān (t.th), Ibn Kathīr (1990), Ismā‘īl Bāshā (1992). Namun, Ibn al-Jazarī (1932) dan al-Dhahabī (1969) menambah Ibn ‘Aṭṭās dalam salasilah bapanya selepas ‘Abd al-Ghālib. Manakala Ismā‘īl Bāshā (1992) menambah sedikit dengan Ibn Ghāttās iaitu dengan huruf *ghayn* (غ) bukannya huruf *ayn* (ع). Penulis berpendapat berlakunya sedikit perselisihan tersebut berkemungkinan kerana kesalahan cetakan.

Kesimpulannya, apabila digabungkan keseluruhan rujukan tersebut, salasilah penuh nama Imam al-Sakhāwī ialah, ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd al-Šamad bin ‘Abd al-Āħad bin ‘Abd al-Ghālib bin ‘Aṭṭās. Adapun gelaran-gelaran yang diberikan kepada beliau akan dijelaskan kemudian nanti.

Berdasarkan rujukan yang diamati juga, semuanya bersepakat menyatakan bahawa *kunyah* Imam al-Sakhāwī ialah Abū al-Hasan (al-Dhahabī 1998, 1969; Ibn al-Jazarī 1932; Ibn Kathīr 1990; Ibn Khallikān t.th; Ismā‘īl Bāshā 1992; al-Šafadī 2000; al-Ziriklī 2002). Al-Qiftī (1986) pula tidak menyebut langsung *kunyah* Imam al-Sakhāwī dengan apa-apa gelaran sekalipun. Berkenaan *laqab* Imam al-Sakhāwī pula, al-Dhahabī (1998, 1969), Ibn al-Jazarī (1932), Ibn Kathīr (1990), Ibn Khallikān (t.th), Ismā‘īl Bāshā (1992), al-Šafadī (2000), al-Ziriklī (2002) sekali lagi bersepakat dengan gelaran yang diberikan kepada beliau iaitu ‘Alam al-Dīn. Berkenaan gelaran al-Sakhāwī, menurut Ibn Khallikān (t.th), ia adalah kerana penisbahan kepada Sakhā iaitu sebuah bandar kecil yang terdapat di sebelah barat Mesir. Nisbahnya asalnya ialah dengan *Sakhawī* (سخاوي), akan tetapi orang ramai bersetuju secara sepakat dengan penisbahan yang pertama iaitu *al-Sakhāwī* (السخاوي).

Beliau juga juga digelar dengan, *al-Miṣrī* (penisbahan kepada negara Mesir) (al-Dhahabī 1998, 1969; Ibn al-Jazarī 1932; Ibn Kathīr 1990; Ibn Khallikān t.th; Ismā‘īl Bāshā 1992; al-Qiftī 1986; al-Šafadī 2000; al-Ziriklī 2002). Ibn Kathīr (1990) pula menambah *al-Dimashqī* kerana Imam al-Sakhāwī pergi ke Dimashq (Damascus) dan menetap di sana. Semua rujukan tersebut juga bersepakat menambah gelaran Imam al-Sakhāwī dengan *al-Hamdānī* kecuali al-Qiftī (1986). Menurut pentahkik *Jamāl al-Qurrā’* (1993) dan pentahkik *Sifr al-Sā‘ādah wa Safīr al-Ifādah* (1995), *al-Hamdānī* dinisbahkan kepada Hamdān iaitu Hamdān bin Mālik bin Zayd bin Ausalah bin Rabī‘ah bin al-Khiyār ibn Mālik bin Zayd bin Kahlān bin Saba’ bin Yashjab bin Ya‘rab bin Qahtān. Gelaran-gelaran lain (di samping gelaran-gelaran di atas) bagi Imam al-Sakhāwī yang disebutkan oleh pelbagai sumber ialah *al-Muqri’* (pembaca), *al-Mufassir* (pentafsir), *al-Nahwī* (ahli nahu), *al-Lughawī* (ahli bahasa) dan *al-Shāfi‘ī* (bermazhab Syafii).

Kesimpulannya, berpandukan keseluruhan sumber rujukan, nama penuh beliau al-Sakhawi beserta gelaran ialah, ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd al-Ṣamad bin ‘Abd al-Aḥad bin ‘Abd al-Ghālib bin ‘Aṭṭās Ḩāfiẓ al-Imām Ḩāfiẓ al-Ṣāḥib al-Hamdānī al-Sakhawī al-Miṣrī al-Dimashqī al-Muqrī’ al-Mufassir al-Nahwī al-Lughawī al-Shāfi‘ī.

Untuk memudahkan pengetahuan salasilah Imam al-Sakhawī mengikut setiap rujukan, di ringkaskan dalam jadual yang berikut:

Salasilah keturunan mengikut rujukan

Bil.	Nama	Rujukan
1	‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd al-Ṣamad bin ‘Abd al-Aḥad bin ‘Abd al-Ghālib bin ‘Aṭṭās Ḩāfiẓ al-Imām Ḩāfiẓ al-Ṣāḥib al-Hamdānī al-Sakhawī al-Miṣrī al-Dimashqī al-Muqrī’ al-Mufassir al-Nahwī.	al-Dhahabī (1969)
2	‘Alam al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd al-Ṣamad bin ‘Aṭṭās al-Hamdānī al-Miṣrī al-Sakhawī al-Shāfi‘ī.	al-Dhahabī (1998)
3	‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd al-Ṣamad bin ‘Abd al-Aḥad bin ‘Abd al-Ghālib bin ‘Aṭṭās al-Imām al-‘Allāmah ‘Alam al-Dīn Abū al-Ḥasan al-Hamdānī al-Sakhawī al-Muqrī’ al-Mufassar al-Nahwī al-Lughawī al-Shāfi‘ī.	Ibn al-Jazarī (1932)
4	Al-Shaykh ‘Alam al-Dīn Abū al-Ḥasan al-Sakhawī ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd al-Ṣamad bin ‘Abd al-Aḥad bin ‘Abd al-Ghālib al-Hamdānī al-Miṣrī al-Dimashqī.	Ibn Kathīr (1990)
5	Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd al-Ṣamad bin ‘Abd al-Aḥad bin ‘Abd al-Ghālib al-Hamdānī al-Miṣrī al-Sakhawī al-Muqrī’ al-Nahwī al-mulaqqab ‘Alam al-Dīn.	Ibn Khallikān (t.th)
6	‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd al-Ṣamad bin ‘Abd al-Aḥad bin ‘Abd al-Ghālib bin ‘Aṭṭās al-Hamdānī ‘Alam al-Dīn Abū al-Ḥasan al-Sakhawī al-Miṣrī al-Muqrī’ al-Shāfi‘ī.	Ismā‘īl Bāshā (1992)
7	‘Alī bin Muḥammad al-Sakhawī al-Miṣrī al-Muqrī’ al-Nahwī.	al-Qiftī (1986)
8	‘Alam al-Dīn al-Sakhawī al-Shāfi‘ī al-Muqrī’ al-Nahwī ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd al-Ṣamad Allāmah ‘Alam al-Dīn Abū al-Ḥasan al-Hamdānī al-Sakhawī al-Miṣrī.	al-Ṣafadī (2000)
9	‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd al-Ṣamad al-Hamdānī al-Miṣrī al-Sakhawī al-Shāfi‘ī Abū al-Ḥasan ‘Alam al-Dīn.	al-Ziriklī (2002)

KELAHIRAN DAN KEHIDUPAN

Berdasarkan rujukan-rujukan yang telah dikumpul, menyebutkan bahawa Imam al-Sakhāwī berasal dan dilahirkan di Sakhā iaitu sebuah bandar kecil di negara Mesir. (al-Dhahabī 1969), Ibn al-Jazarī (1932), Ibn Khallikān (t.th), al-Qiftī (1986) dan al-Ziriklī (2002). Namun, terdapat perselisihan dalam menentukan tarikh kelahirannya, Ibn Khallikān (t.th), Ismā'īl Bāshā (1992) dan al-Ziriklī (2002) mengatakan bahawa kelahirannya adalah pada tahun 558H. Ibn Kathīr (1990) juga ada menukikan pendapat Ibn Khallikān tersebut dalam kitabnya, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Manakala Ibn al-Jazarī (1932), al-Dhahabī (1969, 1998) dan al-Şafadī (2000) pula mengatakan kelahiran al-Sakhāwī adalah pada tahun 558H atau 559H.

Imam al-Sakhāwī dibesarkan di tempat kelahirannya iaitu Sakhā. Kemudian, beliau berpindah ke Iskandariyah pada tahun 572H (al-Dhahabī 1998). Di Iskandariyah, beliau menuntut ilmu daripada Abī Ṭāhir al-Silafī dan Abī Ṭāhir bin Ḩawāṣ. Manakala di Qāhirah pula, beliau menuntut daripada Abū al-Juyūsh Ḩasan bin Ḩasan, Abū al-Qāsim al-Būṣīrī dan Ismā'īl bin Yāsīn. Imam al-Sakhāwī mempelajari ilmu qira'at di Mesir daripada Abī al-Qāsim al-Shāṭibī dan telah mendampinginya dalam tempoh masa yang panjang. Selain itu, beliau mengambil ilmu qira'at daripada Abū al-Jūd, Abū al-Fadl Muḥammad bin Yūsuf al-Ghaznawī dan Ḩasan bin Ḩasan. Selepas itu, beliau keluar dari Mesir dan berpindah serta menetap di Dimashq. Di sini juga beliau banyak mempelajari ilmu qira'at daripada Syaikh Abū al-Yaman al-Kindī di samping menuntut ilmu nahu, bahasa dan adab. Beliau juga turut menuntut daripada banyak guru-guru lain antaranya ialah, al-Qāsim bin Ḩasan, Ḥanbal bin Ḩabīb, Ibn Ḩabarīzād dan lain-lain. (al-Dhahabī 1969, 1998; Ibn al-Jazarī 1932; Ibn Khallikān t.th; al-Qiftī 1986; al-Şafadī 2000).

Menurut Ibn al-Jazarī (1932), lebih dari 40 tahun orang-orang menuntut daripada Imam al-Sakhāwī di Masjid Dimashq di sisi makam Yahya bin Zakaria a.s. Para penuntut ilmu datang dari pelbagai pelosok telah tertumpu kepadanya, bersesakan mengerumuninya dan saling bersaing untuk mengambil ilmu daripadanya. Al-Ḥāfiẓ Abū Ḩanīfah mengatakan bahawa telah tercatat dalam sejarah Islam di mana sangat ramai orang yang membaca daripadanya dan aku tidak tahu seorang pun daripada *qurrā'* di dunia ini yang lebih ramai penuntut daripadanya.

KEWAFATAN

Imam al-Sakhāwī telah meninggal dunia pada malam Ahad 12 hari bulan Jamadilakhir tahun 643 H di rumahnya di *Turbah al-Ṣālihiyyah* dan telah dikebumikan di *Qāsiyyun*. (al-Dhahabī 1969; Ibn al-Jazarī 1932; Ibn Kathīr 1990; Ibn Khallikān t.th).

Menurut al-Dhahabī (1969), Ibn al-Jazarī (1932), Ibn Kathīr (1990), Ibn Khallikān (t.th) dan al-Şafadī (2000) bahawa sebelum kewafatan Imam al-Sakhāwī, beliau sendiri sempat mendendangkan sebuah syair buat dirinya sendiri yang berbunyi:

وينزل الركب بمخاهم أصبح مسروراً بلقياهم بأي وجه أتقاهم لا سيما عمن ترجالهم	قالوا غداً نأتي ديار الحمى وكل من كان مطينا لهم قلت : فلي ذنب مما حيلني قالوا : أليس العفو من شأنهم
-------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Maksudnya:

Mereka berkata; esok kami datang ke tempat perlindungan,
Lalu diturunkan tunggangan kerana alunanmu,
Dan setiap insan yang setia kepadamu,
Menjadi gembira bertemu denganmu,
Aku berkata; padaku dosa bukanlah kekuasaanku,
Dengan wajah bagaimana aku menemui mereka,
Mereka berkata; bukankah kemaafan keutamaanmu,
Apatah lagi buat mereka yang berharap denganmu.

Ibn Khallikān (t.th) telah menyatakan bahawa Imam al-Sakhāwī telah meninggal dunia pada malam Ahad 12 Jamadilakhir tahun 643 H ketika menghampiri umur 90 tahun.

KATA-KATA DAN PUJIAN ULAMA

Imam al-Sakhāwī merupakan seorang tokoh agung dalam pelbagai bidang ilmu Islam, khususnya ilmu qira'at. Kenyataan ini dapat dilihat daripada pendapat-pendapat ulama tentang beliau yang mengangkat kedudukan beliau yang tinggi dalam bidang ilmu.

Berkata Ibn al-Jazarī (1932) mengenai Imam al-Sakhāwī: “*Beliau seorang imam yang alim, qari' yang tidak diragukan dan berpengalaman, pakar ilmu qiraat serta dalinya, seorang imam dalam ilmu nahu, sastera dan tafsir... Tiada seorang pun pada zamannya yang setanding dengan tahap keilmuan beliau dalam pelbagai disiplin ilmu. Beliau seorang pemberi fatwa, pakar usul fiqah dan seorang pendiskusi (pendebat) hebat. Di samping itu memiliki ciri-ciri seorang yang bertaqwā, dermawan, rendah diri, memudahkan urusan orang lain, mampu memberi kuliah yang berkesan, kebaikan yang jarang ditemui, kecerdikan yang mengatasi cendekiawan lain, memiliki penghormatan yang tinggi, dicintai oleh orang ramai dan tiada kesibukan baginya melainkan dengan ilmu dan perkara-perkara yang bermanfaat.*”

Al-Dhahabī (1998) pula mengatakan bahawa Imam al-Sakhāwī merupakan seorang yang pakar bahasa khususnya bahasa Arab, faqih, pemberi fatwa, alim dalam ilmu qira'at dan *illahnya* dan mahir dalam ilmu tafsir. Selain itu, beliau ada menghasilkan karya penulisan, kuat membaca, menyampaikan dan meriwayatkan kepada ramai orang dengan kelantangan suaranya sehingga jauh kedengaran. Saban hari semakin ramai *qurrā'* yang mengambil bacaan daripadanya. Di samping keluasan ilmu dan kebaikan perkerti yang dimiliki, Imam al-Sakhāwī juga seorang yang bertaqwā, berakhlak mulia, dicintai ramai, mempunyai kehormatan yang tinggi, sentiasa memudahkan urusan orang lain dan tidak ada baginya kesibukan melainkan dengan ilmu dan penyebarannya.

Ibn Khallikān (t.th) pula menyebut: “*Aku melihatnya (al-Sakhāwī) di Dimashq dan umat manusia bersesakan mengerumuninya di masjid untuk membaca, tidak seorang pun daripada mereka bergantian melainkan dalam satu tempoh yang panjang. Aku pernah melihatnya berkali-kali menunggang haiwan mendaki bukit al-Ṣalīḥīn dan di sampingnya dua atau tiga orang pembaca dan setiap seorang membaca dengan tajuk yang berlainan tetapi pada waktu yang sama beliau mampu menjawab kepada mereka semua.*”

Berkata al-Dhahabī (1969) ekoran daripada apa yang disebut oleh Ibn Khallikān tersebut: “*Sehingga kini tidak aku ketahui seorang pun daripada guru yang membenarkan pembacaan dua orang (dalam masa yang sama) melainkan al-Shāykh ‘Alam al-Dīn. Pada diri seseorang itu, hanya boleh membawa satu riwayat yang betul sebagaimana firman Allah SWT:*

4 ¾ÍmÍùöqy_ ’Íû Éú÷üt7ù=s% `ÍiB 9@ã_t • Í9 ¨!\$# Ÿ@yèy_ \$”B
(Al-Quran, al-Ahzāb 33:4)

Maksudnya:

“(Diperintahkan dengan yang demikian kerana) Allah tidak sekali-kali menjadikan seseorang mempunyai dua hati dalam rongga dadanya.”¹

Menurut al-Şafadī (2000) pula, Imam al-Sakhāwī adalah seorang imam yang berpengetahuan luas, *muqri’* yang tidak dapat dipersoalkan lagi, memiliki kepakaran dan kemahiran dalam ilmu qiraat dan *‘illahnya*, seorang imam dalam ilmu nahu, bahasa dan tafsir dan juga beliau berpengetahuan yang menyeluruh tentang *fiqh* dan *usūl*. Beliau juga merupakan seorang pengeluar fatwa dalam mazhab Shāfi‘ī. Imam al-Sakhāwī mengepalai pembacaan di masjid Dimashq di mana para penuntut ilmu bersesakan mengerumuninya dan saling bersaing mengambil ilmu daripadanya yang datang dari pelbagai daerah.

Berdasarkan rujukan-rujukan yang diamati penulis ia menunjukkan bahawa Imam al-Sakhāwī merupakan seorang tokoh ulama yang hebat dan terkemuka. Para ulama tidak pernah menyebut apa-apa keburukan peribadi dalam biografi hidup beliau. Bahkan beliau merupakan seorang yang soleh, faqih, adil, zuhud, alim dan mahir dalam keilmuan serta menjadi rujukan yang utama kepada orang ramai.

GURU-GURU

Imam al-Sakhāwī telah berguru dengan ramai ulama yang sekaligus menjadi salah satu faktor pembentukan keintelektualan pada diri beliau. Mereka terdiri dari ulama yang berada di Mesir dan Dimashq yang secara kebetulan kedua-duanya merupakan tempat lahir dan tempat membesar tokoh tersebut dan juga tempat persinggahan beliau sehingga akhir hayat.

Antara guru-guru beliau di Mesir ialah:

1. Al-Shāykh Abū Ishāq Ibrāhim bin Jabārah al-Sakhāwī. Imam al-Sakhāwī mengambil bacaan al-Quran daripadanya dan mengambil daripadanya *fiqh al-Mālikī* pada awal kehidupannya di bandar Sakhā (al-Sakhāwī 1993).
2. Al-Shāṭibī. Beliau adalah al-Qāsim bin Fīrruh bin Abī al-Qāsim Khalaf bin Ahmad al-Ru‘īnī al-Shāṭibī iaitu seorang *qurrā’*, ahli nahu, dan buta. Beliau seorang yang alim dengan ilmu qira’at, fiqh, hadis, tafsir dan nahu. Dilahirkan di Shāṭibah iaitu salah satu

¹Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*, (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2000). [Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini dibuat oleh penulis kecuali kalau dinyatakan sebaliknya.]

bandar di Andalus pada tahun 538 H. Beliau bertalaqqi ilmu di negerinya. Ketika beliau pakar dalam ilmu pada zamannya, beliau telah diminta untuk menjadi *khaṭīb* di kotanya. Akan tetapi beliau menolak lalu pergi menuaikan haji. Kemudian beliau pergi ke Iskandariyyah. Semasa ketibaannya, pemerintah (*al-qādī*) telah melantiknya menjadi guru bacaan (*mashīkhah al-iqrā'*) di madrasahnya. Kemudian beliau telah menziarahi al-Quds dan kembali semula ke Qāhirah. Beliau telah meninggal dunia di sana pada 590H. Imam al-Sakhāwī telah mendampinginya di Qāhirah dan menuntut daripadanya ilmu nahu, membaca daripadanya al-Quran dengan banyak riwayat dan bertalaqqi daripadanya qasidahnya yang masyhur dalam qira'at. Imam al-Sakhāwī banyak menyebut mengenai beliau dalam kitabnya *Jamāl al-Qurrā' wa Kamāl al-Iqrā'* (al-Sakhāwī 1993).

3. Al-Ḥāfiẓ Abū al-Ṭāhir al-Silafī. Beliau ialah Ṣadr al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad ibn Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin Silafah al-Asbahānī. Beliau telah pergi menuntut ilmu hadis dan telah menulis kupasan dan huraian yang banyak. Ketua negeri yang adil telah membina sebuah madrasah untuknya di Iskandariyyah pada tahun 546H. Beliau telah mengurus madrasah tersebut sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 576H. Antara kitabnya ialah *Muṣjam Mashīkhah Aṣbahān*, *Muṣjam Shuyūkh Baghdād* dan *Muṣjam al-Sufur*. Imam al-Sakhāwī telah mendengar hadis daripadanya di Iskandariyyah (al-Sakhāwī 1993).
4. Al-Būṣīrī. Beliau adalah Ḥabbatullāh bin Ḩalī bin Thābit bin Maṣūd al-Ansārī, Abū al-Qāsim al-Būṣīrī. Beliau merupakan seorang penulis, sasterawan dan *muḥaddith*. Telah meninggal dunia pada tahun 598H atau 599H. Imam al-Sakhāwī telah mendengar hadis daripadanya (al-Sakhāwī 1993).
5. Abū al-Jūd al-Lakhmī. Beliau adalah Ghiyāth bin Fāris bin Makkī yang merupakan seorang *qurrā'*, ahli nahu, ahli ḥarūd shāykh al-qurrā'. Beliau meninggal dunia pada tahun 60H. Imam al-Sakhāwī mengambil qiraat daripadanya di Mesir (al-Sakhāwī 1993).
6. Al-Faḍl al-Ghaznawī. Beliau adalah Muḥammad bin Yūsuf bin Shihāb al-Dīn Abū al-Faḍl al-Ghaznawī al-Muqrī' al-Faqīh al-Nāḥwī. Merupakan seorang yang alim dengan qiraat. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 599H atau 600H di Qāhirah. Imam al-Sakhāwī telah mengambil ilmu qiraat dan nahu daripadanya di Qāhirah (al-Sakhāwī 1993).
7. Abū al-Ṭāhir bin Ḩawf. Beliau adalah Abū al-Ṭāhir bin Ḩawf bin Ismā'il bin Makkī bin Ismā'il bin Ḩisā bin Ḩauf bin al-Zuhrī al-Iskandarānī al-Mālikī. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 581H. Imam al-Sakhāwī telah mendengar daripadanya (al-Sakhāwī 1993).
8. Ḩasākir bin Ḩalī. Beliau adalah Ḩasākir bin Ḩalī bin Ismā'il, Abū al-Juyūsh al-Miṣrī al-Shāfi'ī. Merupakan seorang yang *faqīh*, *muqri'* (pembaca) yang sempurna. Telah membaca daripadanya al-Ḥasan ibn Yūsuf dan al-Ḥafīf bin al-Ramāḥ and Abū al-Ḥasan al-Sakhāwī. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 581H (al-Sakhāwī 1993).
9. Ibn Yāsīn. Beliau adalah Ḩalī bin Ḩabdullāh bin Yāsīn bin Najm Abū al-Ḥasan al-Kinānī al-Asqalānī al-Miṣrī al-Munsha'. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 636H. Imam al-Sakhāwī telah mengambil qira'at daripadanya di Mesir (al-Sakhāwī 1993).

Setelah berpindah dan menetap di Dimashq, Imam al-Sakhawī telah bertalaqqi ilmu dengan kelompok ulama di sana. Antara guru-guru beliau di Dimashq ialah:

1. Abū al-Yaman al-Kindī. Beliau ialah Zayd bin al-Hasan bin Zayd Abū al-Yaman Tāj al-Dīn al-Kindī. Telah dilahirkan dan menjalani kehidupan di Baghdad. Beliau menuntut dengan Ibn al-Shajarī al-Nahw dan Abī Mansūr al-Jawālīqī al-Lughah. Kemudian beliau bermusafir ke Ḥalab (Aleppo) dan tinggal di Dimashq serta sibuk dengan pengajian dalam bidang ilmu nahu, sastera, bahasa dan hadis. Imam al-Sakhawī telah menuntut ilmu nahu daripadanya. Hal itu telah disebut dalam *muqaddimah* kitabnya *al-Mufaddal fī Sharḥ al-Mufaṣṣal* di mana beliau berkata bahawa telah berjumpa dengan kelompok ahli bahasa Arab, antaranya al-Shaykh al-Fādil Abū al-Yaman Zayd bin al-Hasan al-Kindī rahimahullāh. Tiada orang seperti beliau dalam perkara ini malah Imam al-Sakhawī menuntut kitab *Sībawayh* daripadanya. Imam al-Sakhawī juga turut membaca daripadanya kitab *al-Īdāh* oleh Abī ‘Alī secara syarah serta kitab *al-Lam‘i* oleh Abī al-Fath. Imam al-Sakhawī turut juga membaca qiraat daripadanya namun tidak meriwayat daripadanya. Dikatakan bahawa Imam al-Shāṭibī telah berkata kepada Imam al-Sakhawī: “Sekiranya kamu pergi ke Shām, maka bacalah daripada al-Kindī akan tetapi jangan meriwayat daripadanya”. Dikatakan pula bahawa Imam al-Sakhawī telah melihat Imam al-Shāṭibī dalam tidurnya dan beliau menegahnya membaca selain yang telah dibacakan kepadanya. Abū al-Yaman al-Kindī telah meninggal dunia pada tahun 613H (al-Sakhawī 1993).
2. Al-Qāsim bin ‘Asākir. Beliau adalah al-Qāsim bin ‘Alī bin al-Hasan bin Habbatullah Abū Muhammad bin ‘Asākir. Merupakan seorang *muhaddith* dari ahli Dimashq. Beliau telah mengunjungi Mesir lalu penduduk Mesir menuntut daripadanya. Juga merupakan anak kepada pengarang kitab *al-Tārīkh al-Kabīr*. Imam al-Sakhawī mendengar hadis daripadanya (al-Sakhawī 1993).
3. Ibn Tabarzad. Beliau adalah Hafs ‘Umar bin Muhammad bin Yahyā dan dikenali dengan Ibn Tabarzad al-Dārqazī. Beliau telah meninggal dunia di Dimashq pada tahun 607H. Imam al-Sakhawī mendengar hadis daripadanya (al-Sakhawī 1993).
4. Hanbal bin ‘Abdullāh. Beliau adalah Abū ‘Alī Hanbal bin ‘Abdullāh bin al-Farj bin Sa‘ādah yang dibesarkan di Masjid *al-Rasāfah*. Beliau telah bermusafir ke Shām dengan ditemani Ibn Tabarzad dan keduanya mendengar hadis di Dimashq dan menghasilkan sumbangan yang sangat bermanfaat. Hanbal telah meninggal dunia pada tahun 604H. Imam al-Sakhawī mendengar hadis daripadanya (al-Sakhawī 1993).
5. Abū al-Haram Makkī bin Rabān bin Shabbah al-Māksinī al-Mawṣilī al-Nahwī. Beliau pergi ke Baghdad dan menuntut dengan Ibn al-Khashāb dan al-Kamāl al-Anbārī serta pakar dalam ilmu nahu. Kemudian beliau pergi ke Shām lalu menetap di Ḥalab dalam satu tempoh masa. Kemudian beliau pergi ke Dimashq lalu Imam al-Sakhawī membaca daripadanya kitab *Asrār al-‘Arabiyyah* oleh al-Anbārī. Beliau telah meninggal dunia di *al-Mawṣil* pada tahun 603H (al-Sakhawī 1993).
6. ‘Alī bin Muhammad bin Ghalīs al-Yumnī al-Zāhid. Beliau merupakan orang yang telah membina relau kapur Masjid Dimashq di sebelah timur. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 598H. Imam al-Sakhawī telah meriwayatkan daripadanya keramat yang mulia (al-Sakhawī 1993).

MURID-MURID

Menurut Ibn al-Jazarī (1932), lebih dari 40 tahun orang-orang menuntut daripada Imam al-Sakhawī di Masjid Dimashq di sisi makam Yahya bin Zakaria a.s. Kemudian di *Turbah Umm al-Šāliḥ* yang dibina kerananya dan juga tanda *turbah* tersebut diletakkan atas nama beliau yang terkenal dengan *qira’at*. Maka, para penuntut ilmu dari setiap pelosok bertumpu kepadanya, bersesakan mengerumuninya dan saling bersaing dalam mengambil ilmu daripadanya. Pendapat ini dan pendapat-pendapat lain sebagaimana yang pengkaji lampirkan dalam bab yang lalu menjadi bukti bahawa anak murid Imam al-Sakhawī sangat ramai yang datang dari seluruh penjuru tempat untuk mendapatkan ilmu daripadanya.

Antara anak murid beliau ialah:

1. Ibn Mālik. Beliau adalah Abū ‘Abdullāh Jamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abdullāh bin Muḥammad bin ‘Abdullāh bin Mālik al-Tā’iyy al-Jiyānī al-Shāfi‘ī al-Naḥwī. Beliau mendengar daripada Mukarram dan Abī al-Ḥasan ‘Alam al-Dīn al-Sakhawī. Telah duduk bersamanya dan tinggal di Ḥalab dan meninggal dunia pada tahun 672H (al-Sakhawī 1993).
2. Abū Shāmah. Beliau ialah Shihāb al-Dīn Abū al-Qāsim ‘Abd al-Rahmān bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin ‘Uthmān al-Maqdisī al-Dimashqī al-Shāfi‘ī al-Muqrī’ al-Naḥwī. Telah mengambil daripada Imam al-Sakhawī dan menemaninya dalam tempoh masa yang lama. Telah meninggal dunia pada tahun 665H (al-Sakhawī 1993).
3. Abū al-Fath Muḥammad bin ‘Alī bin Mūsā Shams al-Dīn al-Ansārī al-Dimashqī. Beliau merupakan sahabat Imam al-Sakhawī yang paling terkemuka. Telah membaca *qirā’at sab* daripada Imam al-Sakhawī secara *ifrād* dan *jam* (al-Sakhawī 1993).
4. Muḥammad bin ‘Abd al-‘Azīz bin Abī ‘Abdillāh bin Ṣadaqah Abū ‘Abdullāh al-Dimashqī dan lebih dikenali dengan Ibn al-Dumyātī. Merupakan seorang pembaca (*muqri’*) yang arif dan *thīqah*. Beliau telah membaca *qira’at* secara *ifrād* sebanyak sepuluh kali khatam. Manakala secara *jam* pula dalam majlis khatam ‘Alī Abī al-Ḥasan al-Sakhawī dengan pengkhususan dan mendengar daripadanya. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 693H (al-Sakhawī 1993).
5. Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm bin ‘Alī Abū ‘Abdullāh al-Tabrīzī al-Dimashqī, digelar dengan Niẓām al-Dīn. Merupakan seorang *muqri’* dan penghafaz al-Quran. Beliau bermusafir bersama bapanya ke Mesir dan membaca dengan al-‘Afīf bin al-Ramāh dan selainnya. Kemudian beliau bertandang ke Dimashq lalu membaca *qirā’at al-sab* daripada al-Sakhawī pada tahun 635H. Telah meninggal dunia pada tahun 704H (al-Sakhawī 1993).
6. Muḥammad bin ‘Uthmān bin Sulaymān bin ‘Alī bin Sulaymān Abū ‘Abdullāh al-Zarzārī al-Irbilī al-Rahawī. Merupakan seorang hafiz, *thīqah* dan *muqri’*. Beliau telah membaca *al-sab* daripada Imam al-Sakhawī di Dimashq. Telah meninggal dunia pada tahun 688H (al-Sakhawī 1993).

7. Muḥammad bin ʿUmar bin Ḥusayn Zayn al-Dīn Abū ʿAbdullāh al-Kurdī. Merupakan seorang *muqri'* alim yang menjadi sandaran dalam pembacaan di masjid Dimashq. Beliau telah menuntut dengan Imam al-Sakhawī (al-Sakhawī 1993).
8. Muḥammad bin ʿAbd al-Khāliq bin ʿUthmān bin Muzhar, Shihāb al-Dīn Abū Bakr al-Anṣārī al-Shāfiī. Beliau merupakan seorang *muqri'* yang sempurna dan alim. Telah membaca *al-sab'* daripada Imam al-Sakhawī dan meninggal dunia pada tahun 690 H (al-Sakhawī 1993).
9. Muḥammad bin Qāyimāz, Abū ʿAbdullāh al-Dimashqī. Beliau telah membaca *al-sab'* daripada Imam al-Sakhawī secara perseorangan dan telah meninggal dunia pada tahun 702H (al-Sakhawī 1993).
10. Muḥammad bin Yūsuf ibn al-Birzālī, Bahā'uddīn iaitu seorang imam terkemuka dan yang adil. Beliau telah meriwayatkan daripada Imam al-Sakhawī dan telah meninggal dunia pada tahun 699H (al-Sakhawī 1993).
11. Aḥmad bin Yūsuf bin Ḥasan bin Rāfi, al-Imām Abū al-ʿAbbās al-Kawāshī al-Mawṣilī al-Mufassir. Beliau telah pergi ke Dimashq dan mengambil bacaan daripada Imam al-Sakhawī dan telah meninggal dunia pada tahun 680H (al-Sakhawī 1993).
12. Al-Qādī ʿAbd al-Salām al-Zawāwī. Beliau ialah ʿAbd al-Salām bin ʿAlī bin ʿUmar bin Sayyid al-Nās Abū Muḥammad al-Zawāwī al-Mālikī Zayn al-Dīn. Beliau merupakan ketua hakim pertama dalam badan kehakiman di Dimashq serta menjadi ketua al-Quran. Beliau mengambil bacaan qira'at daripada Imam al-Sakhawī dan telah meninggal dunia pada tahun 681H (al-Sakhawī 1993).
13. Al-Taqī Yaqūb al-Jarā'īdī. Beliau ialah Yaqūb bin Badrān bin Manṣūr, Abū Yūsuf Taqiy al-Dīn al-Jarā'īdī. Beliau merupakan seorang syeikh dalam ilmu qira'at pada zamannya di bandar-bandar di Mesir. Telah dilahirkan di Dimashq dan mengambil bacaan daripada Imam al-Sakhawī. Beliau telah meninggal dunia di Qāhirah pada tahun 688H (al-Sakhawī 1993).
14. Al-Rashīd Abū Bakr. Beliau ialah Abū Bakr bin Abī al-Durr, lebih dikenali dengan al-Rashīd al-Makīnī. Beliau telah mengambil bacaan daripada Zayn al-Kurdī dan Imam al-Sakhawī. Beliau telah meninggal dunia di Dimashq pada tahun 673H (al-Sakhawī 1993).
15. Abū Ishaq al-Fāḍilī. Beliau ialah Ibrāhīm bin Dāwūd bin Zāfir bin Rabī`ah, al-Imām Abū Ishaq al-Fāḍilī al-Asqalānī al-Dimashqī al-Shāfiī. Beliau telah mengambil bacaan *mufrad* dan *jam'* daripada Imam al-Sakhawī dan mendampinginya selama lapan tahun serta banyak meriwayatkan daripada guru beliau (Imam al-Sakhawī). Telah meninggal dunia pada tahun 692H (al-Sakhawī 1993).
16. Al-Raḍī bin Dabūqā. Beliau ialah Ja`far bin Ja`far bin ʿAlī al-Rubaī, lebih dikenali dengan Ibn Dabūqā al-Dimashqī. Beliau telah mengambil bacaan daripada Imam al-Sakhawī dan telah meninggal dunia pada tahun 691H (al-Sakhawī 1993).

17. ^cAbd al-Wāhid bin Kathīr, Abū Muḥammad al-Miṣrī al-Dimashqī. Beliau telah mengambil bacaan daripada Imam al-Sakhawī secara berhadapan dan telah meninggal dunia pada tahun 690H (al-Sakhawī 1993).
18. Ismā'īl bin ^cUthmān bin al-Muallim al-Rashīd, Abū al-Fidā' al-Hanafī. Beliau merupakan orang yang terakhir mengambil bacaan daripada Imam al-Sakhawī. Telah meninggal dunia pada tahun 714H (al-Sakhawī 1993).
19. Abū al-^cAbbās al-Fazārī. Beliau ialah Ahmad bin Ibrāhim bin Sibā' bin Ḏiyā', al-Imām Abū al-^cAbbās al-Fazārī. Merupakan seorang khatib di Dimashq. Beliau mengambil bacaan daripada Imam al-Sakhawī dan telah meninggal dunia pada tahun 705H (al-Sakhawī 1993).
20. ^cAbd al-Şamad bin Aḥmad bin ^cAbd al-Qādir bin Abī al-Jaysh, Abū Aḥmad al-Baghdādī al-Hanbalī. Merupakan seorang *shaykh al-qurrā'* di Baghdād. Beliau telah meriwayatkan daripada Imam al-Sakhawī dengan ijazah dan telah meninggal dunia pada tahun 676H (al-Sakhawī 1993).
21. Ḏiyā' al-Dīn ^cAlī bin ^cAbd al-Sayyid bin Zāfir al-Qawṣī, anak kepada saudara perempuan al-Shihāb al-Qawṣī. Abū Shāmah mengatakan bahawa beliau (Ḍiyā' al-Dīn ^cAlī bin ^cAbd al-Sayyid) merupakan antara sahabat Imam al-Sakhawī dan mempunyai syair tersendiri. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 619H (al-Sakhawī 1993).
22. ^cAbd al-Mun'im bin ^cAlī bin ^cAbd al-Ghanī al-Qurashī al-Šiqilī. Beliau telah mengambil bacaan daripada Tāj al-Dīn al-Kindī dan ^cAlam al-Dīn al-Sakhawī. Telah meninggal dunia pada tahun 622H dan dikebumikan di bukit Qāsiyūn (al-Sakhawī 1993).
23. Muḥammad bin ^cAlī bin Manṣūr al-Yamanī, lebih dikenali dengan Ibn al-Ḥijāzī. Beliau merupakan antara anak muda yang menjadi sahabat kepada Imam al-Sakhawī. Telah meninggal dunia pada tahun 643H (al-Sakhawī 1993).
24. Al-Qādī Ṣadr al-Dīn Mawhūb al-Jazarī. Abū Shāmah mengatakan bahawa beliau (al-Qādī Ṣadr al-Dīn Mawhūb al-Jazarī) adalah sahabat kami dalam perhimpunan di sisi ^cAlam al-Dīn al-Sakhawī. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 665H (al-Sakhawī 1993).

PENULISAN

Sepanjang hidup Imam al-Sakhawī, beliau telah menghasilkan pelbagai karya dalam banyak bidang ilmu yang bukan sahaja terhad dalam bidang ilmu qira'at malahan dalam bidang bahasa, sastera dan tafsir.

Antara hasil karya penulisan beliau menurut apa yang disebutkan oleh ulama seperti Ibn Kathīr (1990), Ibn Khallikān (t.th) dan al-Qiftī (1986) hanya menyebut dua buah sahaja iaitu *Fatḥ al-Waṣīd fī Sharḥ al-Qaṣīd* dan *al-Mufaḍdal fī Sharḥ al-Mufaṣṣal*. Manakala al-Dhahabī (1969, 1998) dan Ibn al-Jazarī (1932) menambah lagi dengan kitab *al-Wasīlah ilā Kashf al-‘Aqīlah, Jamāl al-Qurrā' wa Kamāl al-Iqrā'*, *Kitāb Tafsīr al-Qur’ān* sehingga surah al-Kahfi

dan *Munīr al-Diyājī fī Tafsīr al-Āhājī*. Seterusnya Ibn al-Jazarī (1932) menambah lagi dua buah kitab iaitu *al-Qasād al-Sab‘ fī al-Madāih al-Nabawiyah* dan *al-Mufākharah Bainā Dimashq wa al-Qāhirah*.

Selain itu, antara sumber yang menyebut hasil penulisan Imam al-Sakhawī ialah Ismā‘īl Bāshā (1992), al-Şafadī (2000) dan al-Ziriklī (2002). Al-Ziriklī (2002) menyebutkan antara kitab penulis ialah *Jamāl al-Qurrā’ wa Kamāl al-Iqrā’* iaitu sebuah kitab tentang ilmu tajwid, *Hidāyah al-Murtāb* iaitu sebuah kitab *manzūmah* kalimah-kalimah al-Quran yang sama, *al-Mufaddal* sebanyak 4 juzuk iaitu kitab syarah kepada kitab *al-Mufaṣṣal* karangan al-Zamakhsharī, *al-Mufākharah Bainā Dimashq wa al-Qāhirah*, *Sifr al-Sa‘ādah*, *Sharḥ al-Shātibiyah*, *al-Kawkab al-Waqqād* iaitu kitab dalam ilmu usuluddin, *al-Qaṣā’id al-Sab‘* dan *Munīr al-Diyājī* iaitu kitab syarah kepada kitab *al-Āhājī* karangan al-Zamakhsharī.

Menurut al-Şafadī (2000) pula antara kitab hasil penulisan Imam al-Sakhawī ialah *Sharḥ al-Shātibiyah* sebanyak dua jilid, *Sharḥ al-Rā’iyyah* dalam satu jilid, *Jamāl al-Qurrā’ wa Tāj al-Iqrā’*, *Munīr al-Diyājī fī Tafsīr al-Āhājī*, *Kitāb Tafsīr al-Qur’ān* sehingga surah al-Kahfi sebanyak empat jilid, *al-Mufaddal fī Sharḥ al-Mufaṣṣal*, sebuah qasidah yang dinamakan *Dhāt al-Hulal* iaitu dengan cara teka-teki dan syarahannya dalam satu jilid, *Tuhfah al-Farrād wa Turfah Tahdhīb al-Murtād*, *Hidāyah al-Murtāb wa Ghāyah al-Huffāz wa al-Tullāb fī Mutashābih al-Kitāb*, syair yang dinamakan *al-Kaukab al-Waqqād fī Taṣhīḥ al-Itiqād*, *al-Qaṣīdah al-Nāṣirah li Madhhāb al-Ashā’irah*, *Arūs al-Samar fī Manāzil al-Qamar*, kitab puji-pujian ditujukan buat Rasulullah SAW dan kitab *Sifr al-Sa‘ādah wa Safīr al-Ifādah* iaitu sebuah kitab yang sangat bermanfaat dalam bahasa Arab.

Di samping itu Ismā‘īl Bāshā (1992) juga menyebut banyak kitab Imam al-Sakhawī dalam kitabnya yang berkenaan *al-mu’allifīn* (para penulis) dan hasil penulisan mereka. Kitab-kitab tersebut ialah *Ifsāh al-Mūjiz fī Īdāh al-Mu‘jiz*, *al-Ifṣāh wa Ghāyah al-Ishrāh fī al-Qirā’āt al-Sab‘*, *Aqwā al-‘Adād fī Ma‘rifah al-‘Adād*, *Tuhfah al-Farrād wa Turfah al-Murtād*, *Tafsīr al-Qur’ān* sehingga Surah al-Kahfi, *Tanwīr al-Ζalam fī al-Jūd wa al-Karam*, *Jamāl al-Qurrā’ wa Kamāl al-Iqrā’*, *al-Jawāhir al-Mukallalah fī al-Akhbār al-Musalsalah*, *Dhāt al-Uṣūl fī Madhāb al-Rasūl*, *Dhāt al-Uṣūl wa al-Qabūl fī Mafākhir al-Rasūl*, *Dhāt al-Hulal* dengan cara teka-teki, *Dhāt al-Durār fī Mu‘jizāt Sayyid al-Bashar*, *Sifr al-Sa‘ādah wa Safīr al-Ifādah* iaitu syarah kepada *al-Mufaṣṣal*, *Sharḥ al-Muḥājāh fī al-Āhājī wa al-Ashlūṭāt* karangan al-Zamakhsharī, *Sharḥ al-Maṣābiḥ al-Sunnah* karangan al-Baghawī, *Shakwā al-Ishtiyāq ilā al-Nabī al-Tāhir al-Akhlaq*, *al-Taud al-Rāsikh fī al-Qirā’ah*, *Arūs al-Samar fī Manāzil al-Qamar*, *Umdah al-Mufid wa Iddah al-Majid fī Ma‘rifah Lafż al-Tajwīd*, *Fath al-Waṣīd fī Sharḥ al-Qaṣīd*, *al-Qaṣā’id al-Sab‘ fī Madā’ih al-Nabawiyah*, *al-Qaṣīdah al-Nāṣirah li Madhhāb al-Ashā’irah*, *al-Kaukab al-Waqqād fī Taṣhīḥ al-Itiqād*, *Lawāqih al-Fikr fī Akhbār Man Ghabara*, *Mutashabihāt al-Kitāb Marātib al-Uṣūl wa Gharā’ib al-Fuṣūl fī al-Qirā’āt*, *al-Mufaddal fī Sharḥ al-Mufaṣṣal*, *Manāzil al-Ijlāl wa al-Ta‘zīm fī Fadā'il al-Qur’ān al-‘Azīm*, *Manāsik al-Hāj* dalam empat jilid, *Munīr al-Diyājī fī Sharḥ al-Āhājī*, *Minhāj al-Tawṣīq fī Ma‘rifah al-Tajwīd wa al-Tahqīq*, *Nath al-Durār fī Dhikr al-Āyāt wa al-Suwar*, *al-Wasīlah ilā Kashf al-‘Aqīlah* dan *Hidāyah al-Murtāb wa Ghāyah al-Huffāz wa al-Tullāb* iaitu *manzūmah* dalam qiraat.

Hasil karya Imam al-Sakhawī dikategorikan mengikut bidang penulisan seperti berikut:

1. Ilmu qira’at, ulum al-Quran dan tajwid

Bil.	Judul karya	Catatan
1.	<i>Fath al-Waṣīd fī Sharḥ al-Qaṣīd</i>	Terbitan <i>Dār al-Ṣahābah</i> , Tanṭā, Mesir
2.	<i>Jamāl al-Qurrā' wa Kamāl al-Iqrā'</i>	Terbitan <i>Dār al-Balāghah</i> , Bayrūt, Lubnan
3.	<i>Nath al-Durar fī Dhikr al-Āyāt wa al-Suwar</i>	Terdapat dalam <i>Jamāl al-Qurrā' wa Kamāl al-Iqrā'</i>
4.	<i>Ifsāh al-Mūjiz fī Īdāh al-Mu‘jiz</i>	Terdapat dalam <i>Jamāl al-Qurrā' wa Kamāl al-Iqrā'</i>
5.	<i>Manāzil al-Ijlāl wa al-Ta‘zīm fī Faḍā'il al-Qur‘ān al-‘Aṣīm</i>	Terdapat dalam <i>Jamāl al-Qurrā' wa Kamāl al-Iqrā'</i>
6.	<i>Aqwa al-‘Adad fī Ma‘rifah al-‘Adad</i>	Terdapat dalam <i>Jamāl al-Qurrā' wa Kamāl al-Iqrā'</i>
7.	<i>al-Tawd al-Rāsikh fī al-Mansūkh wa al-Nāsikh</i>	Terdapat dalam <i>Jamāl al-Qurrā' wa Kamāl al-Iqrā'</i>
8.	<i>Marātib al-Uṣūl wa Gharā’ib al-Fuṣūl</i>	Terdapat dalam <i>Jamāl al-Qurrā' wa Kamāl al-Iqrā'</i>
9.	<i>Minhāj al-Tawfiq fī Ma‘rifah al-Tajwīd wa al-Tahqīq</i>	Terdapat dalam <i>Jamāl al-Qurrā' wa Kamāl al-Iqrā'</i>
10.	<i>‘Umdah al-Mufid wa ‘Iddah al-Majid Ma‘rifah al-Tajwīd</i>	Terdapat dalam <i>Jamāl al-Qurrā' wa Kamāl al-Iqrā'</i>
11.	<i>al-Wasīlah ilā Kashf al-‘Aqīlah</i>	Terbitan <i>Maktabah al-Rushd</i> , Riyād, Saudi
12.	<i>Hidāyah al-Murtāb wa Ghāyah al-Huffāz wa al-Tullāb fī Tabyīn Mutashābih al-Kitāb</i>	Terbitan <i>Dār al-Fikr al-Mu‘āşir</i> , Bayrūt, Lubnan
13.	<i>Al-Ifsāh wa Ghāyah al-Ishrāḥ fī al-Qirā’āt al-Sab‘</i>	Tidak dapat dikenal pasti
14.	<i>Al-Tabṣirah fī Ṣifāt al-Hurūf wa Aḥkām al-Madd</i>	Tidak dapat dikenal pasti
15.	<i>Tuhfah al-Farrād wa Turfah al-Murtād</i>	Naskhah manuskrip

2. Tafsir, hadis dan bahasa

Bil.	Nama karya	Catatan
1.	<i>Tafsīr al-Qur'ān al-ṣAzīm</i>	Terbitan <i>Dār al-Nashr li al-Jāmi'āt</i> , Qāhirah, Mesir
2.	<i>Munīr al-Diyājī fī Tafsīr al-Aḥājī</i>	Terbitan Kuliah Bahasa Arab, Universiti Ummu al-Qura
3.	<i>al-Mufaddal fī Sharh al-Mufaṣṣal</i>	Terbitan <i>Wizārah Thaqāfah</i> , Ḩammān, Jordan
4.	<i>Tafsīr al-Qur'ān</i> sehingga Surah al-Kahfi	Tidak dapat dikenal pasti
5.	<i>al-Jawāhir al-Mukallalah fī al-Akhbār al-Musalsalah</i>	Tidak dapat dikenal pasti
6.	<i>Sifr al-Sa'ādah wa Safīr al-Ifādah</i>	Terbitan <i>Dār Sādir</i> , Bayrūt, Lubnan
7.	<i>Sharh al-Maṣābiḥ al-Sunnah</i> karangan <i>al-Baghawī</i>	Tidak dapat dikenal pasti

3. Fiqah dan usuluddin

Bil.	Nama karya	Catatan
1.	<i>Manāsik al-Hāj</i> dalam empat jilid	Tidak dapat dikenal pasti
2.	<i>al-Kaukab al-Waqqād fī Taṣhīḥ al-I'tiqād</i>	Tidak dapat dikenal pasti
3.	<i>al-Qaṣīdah al-Nāṣirah li Madhhab al-Ashā'irah</i>	Tidak dapat dikenal pasti
4.	Madah/Pujian kepada Rasulullah SAW dan lain-lain	

Bil.	Nama karya	Catatan
1.	<i>Dhāt al-Uṣūl fī Madh al-Rasūl</i>	Tidak dapat dikenal pasti
2.	<i>Dhāt al-Uṣūl wa al-Qabūl fī Mafākhir al-Rasūl</i>	Tidak dapat dikenal pasti
3.	<i>Dhāt al-Durar fī Mu'jizāt Sayyid al-Bashar</i>	Tidak dapat dikenal pasti

4. <i>Shakwā al-Ishtiyāq ilā al-Nabī al-Tāhir al-Akhlāq</i>	Tidak dapat dikenal pasti
5. <i>al-Qaṣā’id al-Sab̄c fī Madā’ih al-Nabawiyah</i>	Tidak dapat dikenal pasti
6. <i>al-Qasāid al-Sab̄c fī al-Madāih al-Nabawiyah</i>	Tidak dapat dikenal pasti
7. <i>‘Arūs al-Samar fī Manāzil al-Qamar</i>	Tidak dapat dikenal pasti
8. <i>al-Mufākharah Bainā Dimashq wa al-Qāhirah</i>	Tidak dapat dikenal pasti
9. <i>Dhāt al-Hulal</i>	Tidak dapat dikenal pasti
10. <i>Lawāqiḥ al-Fikr fī Akhbār Man Ghabara</i>	Tidak dapat dikenal pasti
11. <i>Tanwīr al-Ζalam fī al-Jūd wa al-Karam</i>	Tidak dapat dikenal pasti
12. <i>Sharh al-Muḥājāh fī al-Aḥājī wa al-Ashlūṭāt</i> karangan al-Zamakhsharī	Tidak dapat dikenal pasti

IMAM AL-SAKHĀWĪ PELOPOR KEPADA SYARAH MATAN *AL-SHĀṬIBIYYAH*

Imam al-Sakhāwī merupakan pelopor kepada syarah matan *al-Shāṭibiyyah*. Hal ini dapat dilihat melalui kebanyakan pendapat ulama yang disebutkan dalam penulisan mereka berkaitan perkara berkenaan sebagaimana pengkaji nyatakan sebelum ini. Maka di sini pengkaji memuatkan kembali beberapa pendapat tersebut yang menunjukkan bahawa Imam al-Sakhāwī pemula kepada syaranan *al-Shāṭibiyyah*.

Menurut Ibn al-Jazarī (1932) bahawa Imam al-Sakhāwī telah menulis kitab syarah *al-Shāṭibiyyah* dan dinamakannya *Fatḥ al-Waṣīd* dan beliau merupakan orang pertama yang mensyarahkannya. Bahkan ianya (*wallāhu ’aḍlam*) menjadi wasilah kemasyhurannya di setiap pelusuk. Imam al-Shāṭibī juga telah mengisyaratkan kepadanya dengan berkata bahawa Allah akan mentakdirkan seseorang untuk mensyarahkan qasidahnya.

Al-Qaṣṭalānī (2014) mengatakan dalam penulisannya bahawa Imam al-Sakhāwī merupakan orang pertama yang mensyarahkan *al-Shāṭibiyyah* dan kemasyhuran matan *al-Shāṭibiyyah* tersebut adalah disebabkannya.

Berkata Muḥammad (1413 H) pula bahawa pada kurun ketujuh Hijrah, Abū al-Ḥasan Ḩalī bin Muḥammad bin Ḩabd al-Ṣamad Ḩalām al-Dīn al-Sakhāwī (m. 643 H) mengarang kitab *Fatḥ al-Waṣīd fī Sharh al-Qaṣīd* iaitu syarah yang pertama kepada qasidah gurunya al-Shāṭibī yang terkenal iaitu *Hirz al-Amānī* dan juga kitab *Jamāl al-Qurrā’ wa Kamāl al-Iqrā’* yang merupakan kitab yang sangat bermanfaat.

Al-Āṭrash (2008) juga menyebut bahawa antara kitab karangan Imam al-Sakhāwī ialah syarah *al-Shāṭibiyyah* yang dinamakan *Fatḥ al-Waṣīd fī Sharh al-Qaṣīd*. Beliau merupakan orang pertama yang mensyarahkannya bahkan beliau adalah (*wallāhu ’aḍlam*)

penyebab terkenalnya *al-Shātibīyyah*. Imam *al-Shātibī* telah mengisyaratkan bahawa Allah SWT akan mentakdirkan seseorang yang akan mensyarah qasidah yang dikarangnya.

Selain itu, Khairul Anuar Mohamad (2013) mengatakan bahawa Kitab *Fath al-Waṣīd fī Sharḥ al-Qaṣīd* pula merupakan antara syarah kepada matan *al-Shātibīyyah* yang terawal dan menjadi rujukan selepasnya. Hal ini kerana Imam al-Sakhāwī adalah anak murid dan juga seorang sahabat kepada Imam al-Shātibī. Imam al-Sakhāwī juga sentiasa bersama dengan gurunya itu dan mengambil pelbagai ilmu daripadanya. Karyanya yang mensyarah matan *al-Shātibīyyah* adalah pencetus kepada huraiān matan *Shātibīyyah* oleh ulama selepasnya hingga ke hari ini.

Sepanjang penelitian pengkaji, semua rujukan yang telah dilihat menunjukkan bahawa Imam al-Sakhāwī merupakan orang yang mula-mula mensyarah matan *al-Shātibīyyah* yang menjadi pencetus kepada perkembangan penulisan syaran matan selepasnya. Ia menjadi antara rujukan penting dan utama dalam perbahasan ilmu qiraat bermula generasi selepasnya berterusan sehingga generasi pada hari ini.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, al-Imām ḫAlī bin Muḥammad bin ḫAbd al-Ṣamad bin ḫAbd al-Aḥad bin ḫAbd al-Ghālib Abū al-Ḥasan ḫAlam al-Dīn al-Sakhāwī merupakan seorang tokoh yang terkemuka dalam bidang ilmu qira’at. Perjalanan hidup beliau hanya dipenuhi dengan keilmuan semenjak dari kecil lagi sehingga akhir hayat beliau. Begitulah resam hidup seorang ulama, akan dipelihara oleh Allah SWT dari perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat. Sumbangan dan peranan beliau sangat besar dalam menyebarkan ilmu qiraat khususnya qiraat tujuh. Perkara ini dapat dilihat dengan meneliti kepada pendapat-pendapat ulama lain tentangnya di mana semuanya memuji dan mengangkat beliau sebagai seorang ulama yang hebat dalam bidang ilmu qiraat. Penulisan beliau yang begitu banyak sangat memberi manfaat kepada ahli-ahli ilmu selepas daripadanya dan menjadi rujukan sehingga kepada kita pada hari ini.

SENARAI RUJUKAN

1. Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad. 1998. *Siyar A’lam al-Nubala’*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
2. Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad. 1998. *Makrifah al-Qurra’ al-Kibar*. Misr: Dar al-Ta’lif fi al-Maliah.
3. Ibn al-Jazari, Muhammad. 1982. *Ghayah al-Nihayah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
4. Ibn Kathir. 1990. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Bayrut: Maktabah al-Ma’arif.
5. Ibn Khillikan. Ahmad bin Muhammad. t.th. *Wafiyyat al-A’yan*. Bayrut: Dar al-Thaqafah.
6. Al-Safadi, Salah al-Din Khalil bin Aybak. 2000. *Kitab al-Wafi bi al-Wafayat*. Lubnan: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
7. Al-Zirikli, Khayr al-Din. 2002. *Al-A’lam*. Dar al’Ilm li al-Malayin.
8. Al-Qifti, Ali Yusuf. 1986. *Inbah al-Ruwah’ala Anbah al-Nuhah*. Qaherah: Dar al-Fikri al-Arabi.

9. Al-Sakhawi, ‘Ali bin Muhammad. 1993. *Jamal al-Qurra’ wa Kamal al-Iqra’*. Bayrut: Dar al-Balaghah.
10. Al-Sakhawi, ‘Ali bin Muhammad. 2004. *Fath al-Wasid fi Syarh al-Qasid*. Tanta: Dar al-Sahabah.